

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 JUNE 2016

Barisan Kabinet baharu lambang keyakinan Najib hadapi PRU-14

BH - 28/6/2016

Komentaar



Dr Kamarul Zaman Yusoff

Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (MAPAN),
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Berakhir sudah debaran banyak pihak sejak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pada 14 Mei lalu rombakan Kabinet akan dibuat dalam masa terdekat. Semalam, lahir lah barisan Kabinet baharu yang mengadunikan elemen kepakaran, pengalaman dan kesetiaan pada tokoh yang terpilih tanpa mengocak imbang kuasa politik sedia ada.

Bermacam-macam spekulasi kedengaran sebelum ini. Ada yang menyebut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi akan diturunkan ke portfolio lebih junior kerana kononnya beliau dilihat boleh menjadi ancaman kepada Najib.

Ada juga yang menyebut Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein atau Timbalan Menteri dari Johor, akan dinaikkan pangkat bagi mengimbangi pengaruh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin di negeri itu.

Malang sekali, harapan tidak menjadi kenyataan kerana ternyata Najib seorang pemimpin yang tidak mudah dibuai rasa di samping cukup mementingkan kestabilan dan kesinambungan.

Pemilihan Kabinet baharu ini tentulah telah mengambil kira pelbagai faktor. Selain pelbagai imbalan yang perlu dibuat, sudah semestinya pertimbangan terbesarnya adalah bagi memastikan kemantapan pentadbiran, pemberian perkhidmatan terbaik

dan penunaian janji yang dibuat dalam PRU-13 dahulu.

Cabaran baharu memerlukan pasukan baharu, dan ini tentu mengambil kira keupayaannya meneruskan momentum kemenangan yang diperolehi BN dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak dan Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Kenaikan mendadak

Paling menarik dalam rombakan kali ini adalah kenaikan mendadak Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani. Kali pertama bertanding dalam PRU-13, terus dilantik sebagai Pengerusi UDA, Timbalan Menteri Kewangan tahun lalu dan sekarang Menteri Kewangan II.

Terbukti Johari seorang yang berkebolehan. Beliau cukup berkelayakan, mempunyai ijazah dalam bidang perakaunan dari United Kingdom, berpengalaman luas dalam bidang korporat. Semua ini menjadikan beliau cukup sesuai membantu Najib menguruskan soal kewangan negara.

Pelantikan Ahli Parlimen Kota Belud, Datuk Abdul Rahman Dahlan, sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Unit Perancang Ekonomi (EPU) juga sudah semestinya adalah pengiktirafan ke atas keberkesanan beliau melaksanakan tugas, khususnya sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) sejak 2013.

Tidak dinafikan Abdul Rahman,

yang memiliki ijazah dalam bidang ekonomi dan pengurusan dari Amerika Syarikat berjaya atas kapasiti sebagai menteri mahupun sebagai Pengarah Strategik Komunikasi Barisan Nasional (BN). Kelantangan beliau mempertahankan Perdana Menteri tentulah diambil kira.

Pada masa sama, elemen pengalaman dan kesetiaan juga tidak dilupakan oleh Najib yang melantik semula Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar sebagai menteri setelah terisih seketika selepas PRU-13.

Jawatan Menteri KPPT tentulah akan memudahkan usahanya selaku Pengerusi UMNO Selangor, merencanakan usaha merampas Selangor pada dalam PRU-14. Tidak syak lagi, pelantikan beliau juga pengiktirafan ke atas perannya dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar yang baru berlalu.

Daripada tiga kekosongan jawatan Menteri di JPM, hanya satu yang berisik (oleh Datuk Abdul Rahman). Ahli Parlimen Teluk Intan, Datuk Mah Siew Keong, yang sebelum ini menjawab jawatan berkenaan kini dilantik menjadi Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menggantikan Datuk Douglas Uggah Embas. Jawatan lama Mah dan jawatan dikosongkan Datuk Seri Idris Jala, dibiarkan tidak berisik. Pengurangan jawatan Menteri di JPM indikasi penerimaan Najib terhadap pandangan bahawa bilangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebelum ini terlalu banyak

dan perlu dikurangkan.

Dari segi jawatan Timbalan Menteri pula, kemasukan Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Othman Aziz sebagai Timbalan Menteri Kewangan; Ahli Parlimen Silam, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, dan Ahli Parlimen Lawas, Datuk Henry Sum Agong sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan tidak mengejutkan.

Penguasaan semakin kukuh

Tentu sahaja faktor Sabah dan Sarawak akan sentiasa diambil kira dalam politik Malaysia sekarang. Begitu juga dengan pelantikan Datuk Seri S K Devamany sebagai Timbalan Menteri di JPM selaras dengan kedudukan sebagai Timbalan Presiden MIC.

Pengkritik cepat mengkritik rombakan Kabinet ini sebagai satu perubahan kecil dan kosmetik. Mereka tidak sedar bahawa di sebalik tiadanya perubahan besar ini terselindung satu mesej besar, iaitu penguasaan Najib ke atas parti dan kerajaan kini semakin mengukuh.

Rombakan Kabinet ini melambatkan keyakinan Perdana Menteri untuk menghadapi PRU-14. Mesej yang cuba disampaikan ialah sama ada ia Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Mukhriz Mahathir atau Datuk Seri Shafie Apdal, semuanya bukanlah ancaman besar yang memerlukan strategi khusus.